

29 SEP 2002

Mahathir-Maaf

DR MAHATHIR SEDIA MAAFKAN NIK AZIZ

SUBANG, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau sedia memaafkan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menuduh beliau tidak tahu membaca al-Quran.

"Saya maaf(kan). Bukan sahaja maaf, saya ampun," kata Perdana Menteri pada sidang berita sekembalinya daripada menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah Keempat di Denmark dan lawatan peribadi ke Eropah, di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar semalam yang menyebut Nik Aziz mengaku tersialp cakap dan sedia memohon maaf daripadanya (Dr Mahathir), dan permohonan maaf itu akan dibuat semasa berceramah kerana kesalahan itu dilakukan dalam keadaan tersebut.

Mengenai kenyataan pemimpin Pas itu bahawa apa yang sebenar hendak dikatakannya ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab, Dr Mahathir berkata: "Diapun tak fasih juga bahasa Arab. Dia cakap bahasa Urdu."

Nik Aziz dilaporkan pernah mengikuti pengajian di India sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar di Mesir.

Ditanya sama ada Menteri Besar Kelantan itu perlu mengurangkan percakapan bagi mengelak melakukan kesilapan, Dr Mahathir berkata: "Boleh juga. Kalau kita tak bercakap, orang tak tahu kita tak tahu."

Menyentuh pilihan raya kecil Parlimen Gaya di Sabah 12 Okt ini, Perdana Menteri berkata bakal calon Barisan Nasional akan ditentukan sedikit masa lagi.

-- BERNAMA

MAM MAM MAI